

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

# Ziarah pesakit di hospital mungkin cetus Kluster Sala

**Kuala Lumpur:** Menziarahi pesakit di hospital dipercayai menjadi punca merebaknya jangkitan COVID-19 dalam kalangan pesakit daripada Kluster Sala di Kedah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, walaupun punca jangkitan Kluster Sala masih dalam siasatan, namun kes indeks untuk kluster itu mempunyai sejarah menziarahi pesakit di sebuah hospital bersama beberapa ahli keluarga.

"Walaupun tiada kes positif COVID-19 dikesan daripada saringan di hospital itu, namun kesemua ahli keluarga yang pergi bersama kes indeks untuk menziarahi pesakit terbitan didapati positif. Jangkitan COVID-19 seterusnya merebak kepada kontak-kontak rapat kes indeks dan ahli keluarga beliau," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya bimbang amalan melawat pesakit di hospital mungkin menyumbang kepada penularan jangkitan memandangkan di hospital terdapat banyak pesakit daripada kluster itu dijangkiti walaupun berkenaan.

Setakat jam 12 tengah semalam, terdapat dua lagi kes jangkitan COVID-19 membabitkan Kluster Sala dicatatkan menjadikan jumlah keseluruhan lapan pesakit daripada kluster itu dijangkiti walaupun berkenaan.

Dr Noor Hisham berkata, bagi Kluster Sala, seramai 635 individu sudah disarung di dua negeri iaitu di Kedah membabitkan 629 individu dengan lapan didapati positif, 479 negatif dan 142 lagi masih menunggu keputusan.

Beliau juga berkata, Kedah tidak diisytiharkan sebagai zon merah kerana jumlah kes positif COVID-19 bagi satu zon atau daerah belum melebihi 40 kes.

"Zon Merah hanya diberikan kepada satu kawasan atau zon itu selepas melebihi 40 kes, setakat ini jumlah kes di Kedah tidak tertumpu pada satu kawasan sahaja jadi kita tidak boleh isytiharkan sebagai Zon Merah."


"Bagi kes yang tidak tertumpu pada satu daerah, Kementerian Kesihatan akan membuat pengeasan secara aktif membabitkan ahli keluarga sahaja berbanding dilakukan secara lokaliti. Pengeasan secara aktif membabitkan ahli keluarga itu difasikan lebih efektif berbanding yang dilakukan oleh pihaknya sebelum ini."

"Kebanyakan kes di Kedah membabitkan ahli keluarga sahaja jadi tidak perlu dilakukan secara lokaliti. Bagi kes yang tidak tertumpu pada satu daerah, adalah sukar untuk buat pengeasan secara aktif untuk lokaliti."

"Setakat ini (pengeasan secara aktif membabitkan ahli keluarga) kita dapat kesan (kes positif) dan mengambil tindakan pencegahan. Malah kita turut mengenal pasti mereka yang berada di negeri dan daerah lain seperti di Pulau Pinang," katanya.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak tujuh jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan semalam, membabitkan empat kes import dan tiga kes penularan tempatan menjadikan jumlah kumulatif kepada 9,216 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 192 kes.

## Penularan COVID-19



**Kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Yan menjalankan saringan terhadap penduduk setempat di Klinik Kesihatan Guar Chempedak, semalam.**

(Foto BERNAMA)

# Guru, tiga murid positif COVID-19

## Sebuah sekolah di Kulim ditutup selepas 4 mangsa dilapor dijangkiti

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Nor Farhani Che Ad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebuah sekolah di Kulim, Kedah ditutup berikutkan seorang guru dan tiga murid dijangkiti COVID-19 daripada Kluster Tawar.

Infografik Kementerian Kesihatan mendedahkan empat kes baru di Kulim, semalam, membabitkan seorang guru dan tiga murid (kes 9,204 hingga 9,207) dan seorang remaja perempuan berrusia 13 tahun (kes 9,163) dijangkiti virus berkenaan.

Difahamkan, mereka adalah ahli keluarga kepada kes indeks (Kes 9,113). Kes berkenaan adalah daripada kluster Tawar yang kini sudah memasuki generasi ketiga.

Kluster Tawar sebelum ini dikaitkan dengan upacara pengbumian yang diadakan pada 31 Julai dan 1 Ogos lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya juga sudah menjalankan aktiviti nyah cemar dan sanitasi terhadap sekolah berkenaan bagi membenarkan

dung penularan COVID-19 di kawasan berkenaan.

"Kami sudah menutup sekolah berkenaan dan menjalankan saringan COVID-19 terhadap semua muridnya. Kita juga sudah mengambil segala pendekatan untuk membendung wabak ini."

"Kami harap dalam tempoh satu atau dua minggu lagi, kita berjaya membendung penularan di kawasan berkenaan," katanya dalam sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Di **Alor Setar**, Pengurus Jawatankuasa Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Najmi Ahmad, berkata kerajaan negeri memahami kebingungan ibu bapa yang menghantar anak mereka ke sekolah berikut situasi pandemik COVID-19.

**Kami sudah menutup sekolah berkenaan dan menjalankan saringan COVID-19 terhadap semua muridnya. Kita juga sudah mengambil segala pendekatan untuk membendung wabak ini.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan

VID-19 di negeri itu ketika ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, arahan penutupan sekolah hanya boleh dilakukan oleh Kerajaan Pusat.

"Setiap ibu bapa memang akan bimbang, tetapi kita tidak boleh menutup sekolah kerana arahan menutup sekolah di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan kerajaan Persekutuan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau mengulas berhubung penutupan sebuah sekolah di Kulim, berikut seorang guru dan tiga muridnya dijangkiti COVID-19 daripada Kluster Tawar.

Selain itu, Najmi mengaku berlaku kemerosotan kehadiran pelajar ke sekolah sejak beberapa kluster muncul di negeri berkenaan.

"Namun, kami yakin prosedur operasi standard (SOP) yang diamalkan ketika ini mampu mengurangkan risiko jangkitan di sekolah. Ibu bapa perlu sentiasa mengingatkan anak mereka supaya sentiasa mengamalkan SOP sepanjang berada di kawasan sekolah."

"Saya sendiri sudah melawat ke beberapa sekolah dan berpuas hati dengan amalan SOP di setiap sekolah berkenaan. Kita mampu membendung penularan COVID-19 di sekolah, saya minta ibu bapa sentiasalah mengingatkan anak-anak supaya mengikuti SOP ditetapkan selain usaha pihak sekolah," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL



ANTARA produk kesihatan tidak berdaftar termasuk steroid anabolik yang dirampas Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM dan CPF Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, semalam.

# 'Sado' cara bahaya!

*KKM lumpuhkan sindiket jual steroid anabolik buatan Siam*

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**I**damkan tubuh berotot dan 'sado' dalam tempoh singkat tanpa perlukan penat bersenam?

Malah pelanggan bermimat hanya perlu memakan pil atau mengambil suntikan cecair steroid anabolik buatan Siam yang dijual melalui kaedah pemasaran dalam talian.

Kegiatan itu bagaimanapun berjaya dibongkar pihak Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, semalam.

Sumber berkata, hasil maklumat diperoleh, seramai 40 pegawai KKM melakukan serbuan serentak di beberapa lokasi sebelum berjaya melumpuhkan sindiket penjualan steroid anabolik secara dalam talian (e-dagang & media sosial) di sekitar

bandar Melaka.

"Serbuan dilakukan terhadap dua kediaman dijadikan pusat pengedaran pil itu ke seluruh negara.

"Malah lima gimnasium yang dikesan memasarkan produk itu turut diserbu dalam operasi khas jam 3.30 petang semalam," katanya.

Menurutnya, rampasan itu disifatkan antara yang terbesar CPF tahun ini membabitkan pelbagai produk ubat-ubatan tidak berdaftar dan seludup dianggar bernilai hampir RM10 juta.

"Rampasan turut membabitkan pelbagai produk ubat-ubatan lain yang diseludup dari negara jiran dan turut dipasarkan melalui dalam talian.

"Dalam serbuan itu, suspek lelaki berusia 29 tahun yang cuba ditahan di salah sebuah rumah diserbu bertindak agresif dan cuba milarikan diri.

"Suspek yang memandu kereta itu bertindak memecut dan hampir melanggar seorang anggota KKM yang terbabit dalam

## » BAHAYA PENGAMBILAN STEROID ANABOLIK

- Menyebabkan kesan agresif, kemurungan dan emosi
- Kesan alahan atau renjatan Aanaphylaktik
- Kecacatan pada janin
- Pembekuan darah
- Penyakit kardiovaskular dan jantung
- Kanser dan kerosakan pada hati
- Gynecomastia (tumbuh payudara pada lelaki)
- Menurunkan sistem imunisasi

serbuan.

"Malah seorang pegawai CPF turut mengalami kecederaan kecil ketika cuba menghalang suspek dari pada mlarikan diri," katanya.

Menurutnya, semua bahan kimia itu adalah racun berjudal yang dikawal mengikut Akta Racun 1952. Siasatan lanjut ke atas semua premis akan diterus-

kan mengikut Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952.

Jelasnya, perbuatan memiliki atau menjual produk kesihatan tidak berdaftar dengan KKM adalah melanggar Peraturan 7(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 12(2) Akta Jualan Dadah 1952 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

"Bahan steroid anabolik disahkan boleh menyebabkan pembekuan darah, kanser, kecacatan pada janin, tekanan darah tinggi dan pelbagai penyakit bahaya lain," katanya.

KKM sebelum ini turut pernah membongkar kegiatan penjualan suntikan cecair anabolik steroid yang popular dalam kala-nigan 'kaki' gimnasium dan selebriti tempatan melalui operasi Op Sado dijalankan di negeri ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL



TINJAUAN penutupan Restoran Ali Maju, Seri Rampai susulan dua pekerja warga asing dikesan positif Covid-19.

# Elak kluster baharu

Oleh Suraya Roslan  
suraya@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Dalam tempoh 14 hari, kurangkan lepak di kedai makan dan hanya keluar rumah untuk perkara penting.

Demikian saranan Pakar Kesihatan Pekerjaan, Keemasan dan Kesihatan Am, Dr Hanafiah Bashirun kepada orang ramai khusus di Kuala Lumpur bagi mengelakkan wujud kluster baharu berkaitan pekerja warga asing di restoran.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan dua pekerja restoran terkenal di Wisma Rampai disahkan positif Covid-19 selepas saringan rawak di tempat kerja dilakukan Pejabat Kesihatan Daerah.

Dr Hanafiah berkata, buat

**Penduduk sekitar Wangsa Maju, Setapak disaran duduk di rumah dalam tempoh 14 hari**

masa ini masyarakat tidak perlu panik dan amalkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM.

"Perasaan risau perlu ada berikutan kita belum menang lagi dalam menghadapi Covid-19, tetapi jangan panik."

"Saya difahamkan, kedua-dua pekerja warga asing ini tiada sebarang gejala dan ini sangat membimbangkan kerana ia boleh merebak dalam sekilip mata jika tidak ditangani terutama membabitkan warga asing," katanya.

Menurutnya, apa paling dikhuatiri ia boleh merebak kepada pelanggan seperti berlaku dalam Kluster Sivagangga.

"Kes dalam Kluster Sivagangga boleh dijadikan pengajaran kepada semua pihak kerana virus ini merebak cepat di merata tempat."

"Saya sarankan dalam tempoh 14 hari khusus buat penduduk di Wangsa Maju, Setapak dan juga Kuala Lumpur kurangkan keluar rumah.

"Amalkan kebersihan diri, penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka boleh mengurangkan risiko jangkitan Covid-19. Ini adalah terbaik membendung penularan wabak itu."

Sebelum ini, pemilik rangkaian Restoran Ali Maju Sendirian Berhad, Datuk Jawahar Ali Taib Khan dalam satu kenyataan media berkata, pihaknya akur notis penutupan sementara ke atas restoran miliknya.

Ia selepas tular di laman sosial mengenai notis penutupan cawangan restoran itu di Wisma Rampai, Sabtu lalu.

Katanya, pengurusan restoran sentiasa peka dengan apa juar keadaan persekitaran dan mengikut SOP bagi membendung penularan wabak itu.

**“Amalkan kebersihan diri, penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka**

Dr Hanafiah

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

**Kemungkinan jangkitan babit Kluster Sala**

Oleh Suraya Roslan dan Muhaamad Hafis Nawawi  
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Alasan melawat pesakit di hospital mungkin menyumbang kepada penularan jangkitan Covid-19 membabitkan Kluster Sala.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor His ham Abdullah berkata, kes indeks mempunyai sejarah menziarahi pesakit di sebuah hospital bersama beberapa ahli keluarga lain.

"Walaupun tiada kes positif Covid-19 dikesan daripada saringan di hospital itu, semua ahli keluarga yang bersama kes indeks untuk menziarahi pesakit dikesan positif."

# Lawat pesakit di hospital

Jangkitan Covid-19 seterusnya merebak kepada kontak rapat kes indeks dan ahli keluarga.

"Dikhuitiri amalan melawat (pesakit) di hospital mungkin menyumbang kepada penularan jangkitan me mandangkan terdapat banyak pesakit dan mengundang risiko jangkitan," katanya dalam sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Menurutnya, selain itu hasil siasatan jangkitan dalam Kluster Tawar didapati disumbang perhimpunan dalam kalangan ahli keluar-

ga yang tidak sepenuhnya mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Kapasiti tetamu perhim punan tidak mengikut saiz ruang dan penjarakan fizikal yang selamat antara satu sama lain.

"Ini membantu penularan yang meluas dalam kluster Tawar meskipun kes indeks dan punca sebenar jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Noor His ham berkata, satus kes baharu Kluster Tawar menjadikan jumlah kes dikesan positif Covid-19 bagi kluster ini sebanyak 47 kes.

"Seramai 1,490 orang di-

saring dalam kluster ini se takat jam 12 tengah hari, hari ini (semalam).

"Dalam saringan di Kedah seramai 1,195 disaring dan 40 daripadanya dikesan positiif manakala 297 masih menunggu keputusan.

"Selain itu, seramai 286 disaring di Pulau Pinang dan tujuh kes dikesan positiif manakala 63 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Katanya, bagi Kluster Sala pula dua kes baharu dilaporkan di Kedah menjadikan jumlah kes positif lapan kes.

"Seramai 635 orang disaring dalam kluster ini iaitu 629 disaring lapan dikesan positif dan 142 individu masih menunggu keputusan," katanya.

**"Kapasiti tetamu tidak ikut saiz ruang dan penjarakan fizikal antara satu sama lain"**

Dr Noor His ham Abdullah

## Arah tutup sekolah dikait Kluster Tawar

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah mengarahkan penutupan sebuah sekolah di Kulim, Kedah yang dikaitkan dengan Kluster Tawar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor His ham Abdullah berkata, pi huknya juga sudah menjalankan aktiviti nyah cemar dan sanitasi di sekolah berkenaan bagi membendung penularan Covid-19 di wasan itu.

"Selain itu, seramai 286 disaring di Pulau Pinang dan tujuh kes dikesan positiif manakala 63 individu masih menunggu keputusan," katanya.

"Kita sudah menutup sekolah berkenaan dan menjalankan saringan Covid-19 ke atas semua pelajar di sekolah terbabit. Kami sudah mengambil segala pendekatan membendung wabak ini.

"Saya harap seminggu atau dua minggu kita berjaya membendung penularan di kawasan berkenaan," kata Dr Noor His ham di Putrajaya, semalam.

Terdahulu, menurut in-

fografik dikeluarkan KKM kelmarin terdapat empat kes baharu di Kulim, Kedah membabitkan seorang guru dan tiga murid (kes 9,204 hingga 9,207) dan seorang remaja perempuan berusia 13 tahun (kes 9,163) dijangkiti Covid-19.

Untuk rekod, kes 9,163 adalah ahli keluarga kepada kes indeks (kes 9,113).

Kes berkenaan adalah daripada Kluster Tawar yang kini memasuki generasi ketiga.

Kluster Tawar sebelum ini dikaitkan dengan upacara pengebuman diadakan pada 31 Julai dan 1 Ogos lalu.

Sehingga jam 12 tengah malam, 47 individu dalam kluster ini dilaporkan positif Covid-19 iaitu 40 kes dikesan di Kedah manakala tujuh kes lagi di Pulau Pinang.

## Tujuh jangkitan baharu koronavirus

**Kuala Lumpur:** Sebanyak tujuh jangkitan baharu Covid-19 direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 9,219 kes dengan jumlah kes aktif sebanyak 192 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor His ham Abdullah berkata, daripada tujuh kes baharu dilaporkan empat kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan dua warganegara Malaysia dan dua warga asing.

"Selain itu, tiga kes penularan dalam negara membabitkan warganegara Malaysia di Kedah iaitu dua kes daripada Kluster Sala dan satu kes daripada Klus-

ter Tawar," katanya dalam sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Dr Noor His ham berkata, terdapat lapan kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan dua kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Terdapat 26 kes yang sudah pulih pada hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepanjangnya adalah sebanyak 8,902 kes atau 96.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kekal sebanyak 125 kes," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :

## Bandar Kulim gempar, tiga murid dan seorang guru positif dijangkiti virus Covid-19



SUASANA di Sekolah Kebangsaan Tawar di Baling, Kedah lengang berikutan jumlah kehadiran pelajar merosot akibat penularan Covid-19 daripada Kluster Tawar baru-baru ini. — SHAHIR NOORDIN

# Kluster Tawar merebak ke sekolah

PENULARAN Covid-19 mula merebak ke institusi pendidikan apabila sebuah sekolah di Kulim, Kedah diarah tutup serta-merta susulan tiga pelajar serta seorang guru dijangkiti virus berbahaya itu dipercayai berpunca daripada Kluster Tawar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor

Hisham Abdullah berkata, pihaknya telah melakukan langkah pengesanan dan ujian saringan terhadap semua murid di sekolah terbabit serta proses sanitasi awam bagi mencegah penularan pandemik Covid-19 daripada merebak.

» BERITA PENUH DI MUKA 4 & 5

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Empat jangkitan Covid-19 babitkan guru dan murid

## Sekolah di Kulim diarah tutup

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Sebuah sekolah di Kulim, Kedah diarah tutup serta-merta susulan empat jangkitan kes positif Covid-19 dari pada Kluster Tawar yang dikesan membabitkan guru dan murid di sekolah itu kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah yang mengesahkan penutupan itu memberitahu, proses sanitasi awam juga sudah dilakukan di sekolah terbabit.

"Kami telah mengarahkan sekolah itu ditutup dan langkah pengesanan dan ujian saringan kepada murid di sekolah berkenaan juga telah dilakukan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, pihaknya juga sudah melaksanakan segala langkah perlu bagi men-

gawal jangkitan di kawasan berkenaan dan menjangkakan dapat mengawal sepenuhnya jangkitan di kawasan itu dalam tempoh seminggu atau dua minggu lagi.

Berdasarkan laporan infografik kes jangkitan Covid-19 yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan kelmarin, terdapat empat kes baru di Kulim yang membabitkan seorang wanita berusia 56 tahun dan tiga orang pelajar iaitu masing-masing dua berusur 13 tahun dan seorang berusia 9 tahun.

Kes tersebut termasuk dalam generasi kedua Kluster Tawar yang dikaitkan dengan upacara pengebumian yang diadakan pada 31 Julai dan 1 Ogos lalu.

Setakat semalam, jumlah kes positif bagi Kluster Tawar adalah 47 kes melepas Kluster Sivagangga yang merekodkan 45 kes.

Ditanya sama ada kerajaan

mahu mengisyiharkan Kedah sebagai zon merah susulan peningkatan kes Covid-19 di negeri itu, Noor Hisham berkata, pihaknya memaklumkan pengkelasan zon bukan dibuat berdasarkan negeri sebaliknya daerah.

Menurutnya, jika sesebuah daerah itu merekodkan 40 kes jangkitan, kawasan itu dikelaskan sebagai zon merah.

Sementara itu, dua orang cucu saudara kepada kes indeks Kluster Sala yang masing-masing berusia dua dan tiga tahun merupakan kes baru dikesan di kluster terbabit semalam sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 adalah sebanyak lapan kes di kluster itu.

Kes ke-9,217 dan ke-9,218 itu merupakan jangkitan generasi kedua yang mendapat jangkitan daripada abang yang juga kes indeks berusia 61 tahun iaitu kes

ke-9,208.

Menurut Noor Hisham, dua kes itu adalah sebahagian daripada tujuh kes positif baru semalam yang turut melibatkan satu kes penularan tempatan di Kluster Tawar dan empat kes import.

Beliau berkata, siasatan awal ke atas kes-kes positif Kluster Sala mendapati penularan jangkitan mungkin berpunca daripada amalan melawat hospital memandangkan di situ terdapat banyak pesakit dan mengundang risiko jangkitan.

"Kes indeks Kluster Sala mempunyai sejarah menziarahi pesakit di sebuah hospital bersama beberapa ahli keluarganya.

"Walaupun tiada kes positif dikesan daripada saringan di hospital terbabit, namun semua ahli keluarga dikesan positif sebelum jangkitan merebak kepada kontak



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	7
<b>Import: 4 Tempatan: 3</b>	
• Pulih	26
• Kematian	0
• Masih dirawat	192
• Jumlah kes sembuh	<b>8,902</b>
• Jumlah Kematian	<b>125</b>
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>9,219</b>

rapat kes indeks dan ahli keluarga.

"Setakat ini, seramai 635 individu telah disaring dengan 144 masih menunggu keputusan, manakala 483 didapati negatif" ujarnya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, Kluster Hyde Park di Klang yang pernah mencatat empat kes membabitkan bukan warganegara sebelum ini diisyiharkan tamat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Dua kanak-kanak dikesan positif Covid-19

Kedua-dua kanak-kanak tersebut merupakan generasi kedua Kluster Sala.

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**D**ua kanak-kanak berusia tiga dan dua tahun antara tujuh individu dikesan positif koronavirus (Covid-19) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, menerusi data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kedua-dua kanak-kanak tersebut

merupakan generasi kedua Kluster Sala.

"Ia melibatkan seorang kanak-kanak lelaki dan perempuan yang merupakan cucu kepada pesakit Covid-19 ke-9208," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Beliau berkata, satu kes positif Covid-19 dikesan dari Kluster Tawar.

"Ketiga-tiga kes telah diasingkan untuk dirawat," katanya.

Menurutnya, KKM turut mengesahkan empat kes import iaitu tiga kes yang mendapat jangkitan di Bangladesh dan satu kes di United Kingdom.



NOOR HISHAM

"Pertambahan kes itu menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 adalah 9,219 kes," katanya.

Katanya, jumlah kes aktif Covid-19 adalah 192 kes.

"Sehingga kini, terdapat lapan kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk dua memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah kekal 125 kes," katanya.

Menurutnya, terdapat 26 kes yang telah pulih dan dibenar disemalam.

KKM nafi Kedah zon merah

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan meletakkan Kedah sebagai zon merah berikut empat kluster koronavirus (Covid-19) dikesan di negeri itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini daerah yang terlibat dengan penularan wabak itu masih berada di bawah zon kuning iaitu satu hingga 39 kes.

"Sekiranya kes melebihi 40 bagi satu kawasan barulah kita isyithar zon merah, namun setakat ini masih lagi zon kuning," katanya semalam.

Menurutnya, KKM tidak menumpukan terhadap daerah ataupun lokality sebaliknya melakukan tindakan kawalan kesihatan awam mengikut kumpulan sasar.


"Kita mengesan ahli keluarga sekiranya ada yang dijangkiti. Itu lebih efektif daripada melaksanakan mengikut lokality," katanya.

Sebanyak empat kluster dikesan di negeri itu sejak dua minggu lalu.

Daerah Kulim merekodkan kes positif Covid-19 tertinggi iaitu 22 kes, diikuti Kuala Muda (16), Baling (13), Yan empat kes dan Kota Setar serta Kubang Pasu masing-masing tiga kes.

Dr Noor Hisham berkata, amalan melawat pesakit di hospital mungkin menyumbang kepada penularan jangkitan membabitkan Kluster Sala.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

**Kluster Tawar  
bukan *Super  
Spreader*  
- Noor  
Hisham**

**PUTRAJAYA:** Kementerian Kesihatan mengesahkan tiada kewujudan *Super Spreader* dalam kalangan Kluster Tawar yang menjadi punca pandemik Covid-19 merebak secara pantas di Kedah.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr. Noor Hisham mendedahkan, hanya Kluster Hulu Tiram melibatkan seorang warga Filipina dan Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga dikenal pasti sebagai *Super Spreader* ekoran wujudnya mutasi yang menjadi punca penyebaran virus itu.

Pihaknya menemui mutasi protein nuri di permukaan virus Covid-19 yang menjadi punca merebaknya pandemik tersebut secara pantas melalui ujian di makmal.

"Mutasi tersebut dikenal pasti melalui kajian di makmal dan dikenali sebagai D614G yang memiliki daya kebolehjangkitan lebih 10 kali ganda berbanding virus biasa.

"Kita juga dapat di lapangan seperti contoh PUI Sivagangga merebak dalam tempoh yang singkat disebabkan ada individu yang ada virus menjangkiti kes itu," katanya dalam sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19, di sini hari.

Kluster Tawar dikesan pada 11 Ogos lalu apabila kes pertama kluster ini melibatkan lelaki warga tempatan dikesan positif setelah mengalami sakit dada serta gejala demam dan segera mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan sementara saringan Covid-19 dijalankan pada 9 Ogos lalu.

Dia mempunyai sejarah menghadiri upacara keagamaan memperingati kematian ahli keluarga dari 31 Julai hingga 1 Ogos lalu yang dihadiri oleh kira-kira 30 orang.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

## COVID-19 UPDATE

# 7 NEW CASES, INCLUDING 3 LOCAL ONES

Local transmissions involve 2 from Sala cluster and 1 from Tawar cluster

NURADZIMMAH DAIM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE Health Ministry has recorded seven new Covid-19 cases up to noon yesterday, bringing the tally of infections in the country to 9,219.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the new infections brought the total number of active cases to 192.

Four of the new cases are imported, where two of them are Malaysians and the others are foreigners. The remaining are local transmissions registered in Kedah.

All of the imported cases are registered in Kuala Lumpur, involving returnees who arrived from Bangladesh (three) and United Kingdom (one).

The local transmissions were from the Sala (two cases) and Tawar (one) clusters.

"One new case was reported from the Tawar cluster, bringing the number of cases in the cluster to 47. A total of 1,490 people linked to the cluster have been screened up to noon today (yesterday)."

"From those screened in this cluster, 1,195 (samples) of them were from Kedah; with 40 testing positive, 858 negative and 297 still awaiting results."

"There were 286 people screened in Penang, and seven of them tested positive for Covid-19, 216 negative and 63 are still awaiting results."

"Nine people screened in Perak were negative for Covid-19," he said at a press conference yesterday.

For the Sala cluster, he said 635 people had been screened.

From this number, 629 were from Kedah, with eight testing positive for Covid-19, 479 negative and 142 still awaiting results.

Six people were screened for Covid-19 under this cluster in

Penang, and no new case was registered. Four tested negative and the two others were still awaiting results.

He said close-contact screening and active case detection were ongoing, and the source of infections for both clusters were being investigated and some factors contributing to the infections were being identified.

"The spread of Covid-19 in the Tawar cluster was contributed by a gathering among family members who did not comply with the standard operating procedure (SOP)."

"For example, the number of guests did not correspond to the size capacity of the area, and physical distancing was not practised. The index patient and cause of infection are still under investigation."

"For the Sala cluster, the index case had a history of visiting a patient at a hospital with several family members. While no Covid-19 case was detected through screenings at the hospital, all family members who went there tested positive."

He said Covid-19 had spread to close contacts of the index patient and family members.

He said no new case was detected in the Sivagangga cluster, with 45 positive cases and 6,034 people screened.

Dr Noor Hisham said 26 Covid-19 patients had recovered and were discharged yesterday, raising the cumulative number of recovered cases to 8,902 (96.6 per cent).

He said there were eight Covid-19 cases being treated at Intensive Care Units, with two on ventilator support. No new death was reported yesterday and the number of Covid-19 fatalities remained at 125 (1.36 per cent).

He said people should avoid the "3Cs", which are confined spaces, crowded spaces and close conversations.

The public has been urged to practise the "3Ws", which are washing hands, wearing face masks and heed the warnings from the Health Ministry in efforts to break the chain of Covid-19 infections.

He also reminded the public to adhere to the SOP.



## Technician fined RM2,500 for flouting quarantine order

**BALIK PULAU:** A technician was slapped with a RM2,500 fine, in default five days' jail, by the magistrate's court here yesterday for violating a Covid-19 home quarantine order earlier this month.

Magistrate Khalijah Mohd Khalid fined S. Ramesh Kumar, 42, after he pleaded guilty to the offence when the charge was read to him by the court interpreter.

He looked remorseful during the proceedings.

"This is a serious case because many people stayed home for three months during the Movement Control Order (MCO)."

"By right, the accused should

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

**Covid-19: Current situation globally**

(As at 7pm Aug 18, 2020)

Asean+												New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered
	Philippines	Indonesia	China	Singapore	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Cambodia	Brunei				
Confirmed cases	169,213	143,043	84,871	55,938	55,667	15,761	3,381	983	376	273	142	7	9,219	125	8,902
Deaths	2,687	6,277	4,634	27	1,099	306	58	25	6	0	3			0	0
Recovered	112,861	96,306	79,642	52,350	41,196	13,934	3,198	467	331	238	139			19	19
Global Top 10	US	Brazil	India	Russia	South Africa	Peru	Mexico		Colombia	Chile	Spain				
Confirmed cases	5,613,183	3,363,235	2,706,450	932,493	589,886	541,493	525,733	476,660	387,502	382,142					
Deaths	173,772	108,654	51,955	15,872	11,982	26,481	57,023	15,372	10,513	28,646					
Recovered	2,974,780	2,478,494	1,978,747	742,628	477,671	370,717	359,347	301,525	360,385	N/A					

# Fear reigns in Pulau Tikus

## Affluent Penang suburb residents show extreme reaction

By ARNOLD LOH  
arnold.loh@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** As the fear of Covid-19 sweeps the state again and the Tawar cluster causing the third generation of infections in Penang, the mornings are now unusually quiet in the "rich man's market" of Pulau Tikus.

Penangites give the market that nickname because of the plethora of premium and expensive fresh produce there, and what have been missing lately are most of the "rich" customers.

But as the market becomes nearly deserted and the residents of this affluent suburb react to new cases stemming from their neighbourhood, there are signs that some are taking their fears too far.

"My nurse's landlord would not let her into the house after we recorded a case," said Penang Adventist Hospital (PAH) outpatient unit supervisor Leong Chew Yan.

She said the nurse had to go back to the hospital, which is in the heart of Pulau Tikus, and took a Covid-19 antigen test immediately to prove that she was fine before she was allowed back into her rented room.

Leong said another nurse became distressed when a teacher told her young child: "What are you doing at school? Your mother works in Adventist."

There were other problems too.

On social media, the photograph of a notice at an apartment block in Pulau Tikus has gone viral.

The notice states that staff of PAH living there must show their Covid-19 test reports to the apartment management committee as a "preventive measure".

Some PAH employees got calls from their children's schools or kindergartens, telling them to take their kids home at once.

PAH assistant administration manager Law Poh Ling tried to explain to the kindergarten principal that she did not work in the hospital wards and was in no way at risk, but it was futile.

Her six-year-old daughter was "required"



All quiet: Pulau Tikus wet market almost devoid of customers due to fear of the pandemic.  
— ZAINUDIN AHAD/The Star

to be quarantined for two weeks.

"Even my husband was not allowed to go to work. Although the factory's occupational nurse certified that he was not at risk, the management still wanted him to stay away for two weeks," Law said.

PAH store clerk K. Christopher said he at first objected to being told to keep his daughter away from kindergarten but "when I thought about it, I was worried that my daughter would be isolated and the other kids might tease her".

"So I decided it's better to let her stay at home," he said.

On Aug 7, a woman from Kulim admitted herself into PAH for a leg infection. That time, she was asymptomatic.

The following day, her brother-in-law admitted himself into a private hospital in Sungai Petani for chest pains and fever.

On Aug 12, the brother-in-law tested positive and became the index case of the Tawar cluster.

Being a close contact, the woman was quickly transferred to Penang Hospital, where she tested positive on Aug 13.

During her time in PAH, Covid-19 had spread to two other women patients — aged 71 and 80 — of the same ward and two relatives who visited her.

On Monday, the Health Ministry announced that the Tawar cluster had entered the third generation, spreading to three more women who are close contacts of the two elderly women patients.

PAH occupational health expert Dr Dicky Ng said the hospital team observed the Health Ministry's standard operating procedure (SOP) in the strictest way.

He confirmed that 57 nurses and two doctors who were close contacts of the Covid-19 case were in quarantine and took both the antigen and polymerase chain reaction tests.

"Beyond this group, everyone else at the hospital is too far removed from the patient to be at risk," he said.

State local government committee chairman Jagdeep Singh Deo, who visited the Pulau Tikus market yesterday, said no additional restrictions would be imposed in this suburb and urged everyone to adhere diligently to the SOP.

## SOP for medical tourists and companions

**KUALA LUMPUR:** Individuals seeking medical treatment in Malaysia, including their companions, must undergo 14-day mandatory isolation and Covid-19 tests as part of the government's standard operating procedure (SOP) for medical tourists.

Malaysian Healthcare Travel Council (MHTC) CEO Sherene Azli said they needed to go for a Covid-19 PCR test at an approved testing facility in their home country three days before they visit the country for medical purposes.

Patients must also come in a charter flight, private jet or via medical evacuation.

She said the measure was part of the guideline to protect Malaysians and the country's borders.

"We have to make sure when we receive these patients that they are safe as well," Sherene said at a press briefing. It is not about making it hard, but making it safe," she emphasised.

When asked about assurances that patients must have valid tests and medical certificates

from their home countries, Sherene said they would only accept tests from approved centres to minimise the risks.

She said that out of 70 private hospitals catering for medical tourism, only 15 were ready to receive patients because of this strict SOP.

Sherene added that they had received about 250 serious enquiries to date but only 16 had arrived here as of Aug 17 for treatment.

The arrival of three Indonesians in Penang last Friday seeking medical treatment had drawn a lot of flak on social media.

Sherene said the three patients who were accompanied by two carers had arrived in Penang on a chartered flight.

Two of them were seeking treatment for cancer while the third patient was a paediatric cardiology case.

The MHTC showed a video recording of their arrival to the press. They were closely escorted by medical personnel who also disinfected the path these patients had trod on.

"We are very concerned about our own

well-being and at the same time we are trying to balance the humanitarian requirement of our patients who desperately need such medical treatments," Sherene said, adding that they were trying to help restart the economy in a small way.

In 2019, Malaysia welcomed 1.3 million healthcare travellers.

In June, the National Security Council (NSC) had decided that foreign patients could seek treatment in Malaysia with mandatory 14 days in the hospital room and a Covid-19 test.

Upon arrival, they must also be immediately taken to the private hospital of their choice for treatment.

The NSC subsequently decided that only foreign medical evacuees — patients with life-threatening conditions — may come to Malaysia for treatment in the initial phase.

More than half of these medical tourists were Indonesians.

As of yesterday, Indonesia has recorded 143,000 accumulated cases and 6,277 Covid-19 deaths.

Three of them returned from Bangladesh while one arrived from the United Kingdom.

Dr Noor Hisham also said 26 more cases had been discharged, which means the number of active cases has now gone down to 192.

hp Star  
Maximising Business Efficiency Through Technology  
27 August | Thurs | 8pm

LIVE onWEB STREAM FOR FREE  
REGISTER NOW: [bit.ly/efficienttech](http://bit.ly/efficienttech)  
Azran Osman-Rani, CEO & Co-Founder, Nalin Hidup Sdn Bhd

**Family gathering contributed to Tawar cluster, says Health DG**

**PUTRAJAYA:** Investigations have shown that the Tawar cluster was contributed by family members who did not fully adhere to the Health Ministry's standard operating procedures (SOP) during a gathering.

"The number of individuals gathering exceeded the capacity of the indoor space, which meant safe physical distancing could not be practised."

"This contributed to the widespread transmission within this cluster, although the index case and the real cause for this cluster are still being investigated," said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah at the Covid-19 press conference here yesterday.

On the Sala cluster, Dr Noor Hisham said the index case, together with several family members, had a history of visiting a patient at a hospital.

"Although no confirmed Covid-19 cases were detected from a screening at the hospital, all of the family members who accompanied the index case to visit the patient had tested positive. The virus was then spread further to close contacts of the index case and the family members."

"It is suspected that the practice of visiting patients in hospitals may have contributed to the transmission of infection as there are many patients at hospitals with higher risk of infection."

"Perhaps the spread of the virus in these two clusters could have been prevented if the 3C had been adhered to by all — that is avoiding crowded places, confined spaces and close conversation," he said.

So far, 47 cases were found to be related to the Tawar cluster, which has spanned six districts in Kedah and Penang. Six of them are receiving intensive care unit (ICU) treatment.

One new case related to the cluster was reported.

Eight cases have been linked to the Sala cluster in Kedah, with two more new infections reported yesterday. One patient is receiving ICU treatment.

Earlier, Dr Noor Hisham announced seven new cases. The three new cases reported from the Tawar and Sala cluster are the only local cases.

The four imported cases involve two Malaysians and two non-nationals who were infected abroad.

Three of them returned from Bangladesh while one arrived from the United Kingdom.

Dr Noor Hisham also said 26 more cases had been discharged, which means the number of active cases has now gone down to 192.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Hospital visitors risk getting Covid-19

**PETALING JAYA:** Exercise caution when visiting patients in hospitals as this could put you at risk of being infected with Covid-19.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the Sala cluster index case had a history of visiting patients at a hospital with family members.

"All family members who went with the index case to visit a patient tested positive," he said at a briefing yesterday.

"We fear that the hospital visit may have contributed to the spread."

"If there is an urgent need to visit patients in a hospital, ensure that precautions are taken at all times. Wear a face mask and keep a safe distance."

Two new cases were reported in Kedah yesterday from the Sala cluster, bringing the total number of cases to eight.